

**PELAKSANAAN AGRO-PELANCONGAN DI MUZIUM PADI ALOR SETAR,  
KEDAH DAN PENGARUHNYA TERHADAP SEKTOR PELANCONGAN**

Oleh

**MOHAMAD AMIRUL AFIF BIN MOHAMAD ASHRI**

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)  
SERI ISKANDAR**

**APRIL 2013**

## ABSTRAK

Kajian akhir yang dijalankan ini adalah bertajuk, "Pelaksanaan Agro-Pelancongan di Muzium Padi Alor Setar, Kedah dan Pengaruhnya Terhadap Sektor Pelancongan" merupakan satu kajian yang mengkaji tentang pelaksanaan agro-pelancongan di Muzium Padi, Alor Setar, Kedah. Tumpuan utama kajian ini dilakukan dengan menemubual pihak pentadbiran dan pihak-pihak yang terlibat. Disamping itu juga, bagi mendapatkan maklumbalas daripada pengunjung dan penduduk tempatan, soalselidik turut dijalankan. Selain itu, perubahan-perubahan yang berlaku terhadap pembangunan pelancongan di kawasan kajian memberi banyak peluang kepada penduduk tempatan untuk sama-sama terlibat dengan pelancongan '*agrotourism*' ini. Muzium Padi dipilih sebagai salah satu kawasan kajian kerana ia merupakan satu kawasan pelancongan yang mampu menarik orang ramai untuk berkunjung. Konsep muzium yang menyimpan peralatan tradisional penanaman padi telah memberi satu daya tarikan pelancongan berbentuk Muzium ini. Dalam menjayakan kajian ini, beberapa kaedah telah digunakan bagi pengumpulan maklumat antaranya kaedah pengamatan, temubual dan soalselidik. Bagi kaedah soalselidik, sebanyak 100 sampel telah disediakan, 50 sampel adalah untuk pengunjung dan 50 lagi untuk penduduk yang tinggal berdekatan dengan Muzium Padi iaitu 25 bagi penduduk Kampung Sematang Gunung dan 25 lagi adalah untuk Kampung Gunung Hilir. Sampel-sampel ini dipilih untuk melihat pandangan pengunjung terhadap Muzium Padi dan sejauh mana penglibatan dan kesedaran penduduk kampung terhadap pelancongan '*agrotourism*' ini. Penyediaan sampel ini juga adalah bertujuan untuk mengatasi masalah yang timbul dalam melaksanakan pelancongan '*agrotourism*' ini. Hasil daripada analisis yang dibuat, kehadiran pelancong tempatan dan luar negara akan bertambah. Begitu juga dengan penduduk kampung akan mencuburi diri dalam pelancongan '*agrotourism*' ini di masa hadapan.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana limpah dan kurniaNya saya dapat menyiapkan kajian akhir saya yang bertajuk “Pelaksanaan Agro-Pelancongan di Muzium Padi Alor Setar, Kedah dan Pengaruhnya Terhadap Sektor Pelancongan” dalam masa yang telah ditetapkan. Sepanjang tempoh dalam menjalankan kajian ini, pelbagai cabaran yang telah saya lalui untuk menyiapkan kajian akhir ini. Walau bagaimanapun, setiap masalah dan cabaran yang dihadapi dapat diatasi dengan berkat dari usaha kecekan hati saya selain mendapat sokongan semangat daripada keluarga saya, rakan-rakan seperjuangan yang rapat dan pensyarah-pensyarah yang mengajar saya.

Di kesempatan ini, saya merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia kajian akhir saya iaitu Encik Idrus Bin Abd. Shukor di atas segala tunjuk ajar, dorongan dan sokongan yang telah diberikan oleh beliau sepanjang tempoh menyiapkan kajian akhir ini. Segala teguran yang diberikan telah diambilkira dalam menghasilkan kajian akhir yang berkualiti dan mempunyai maklumat yang lengkap untuk dijadikan rujukan. Disamping itu juga, jutaan terima kasih kepada Ketua Program iaitu Prof. Madya Mohamed Noor Bin Mohid dan Ketua Koordinator Kajian Akhir iaitu Dr. Mohd Fadzil Bin Abdul Rashid di atas keperihatinan, nasihat dan kerjasama yang diberikan.

Akhir sekali, saya menghadiahkan sekalung penghargaan kepada ayahanda dan bonda yang disayangi dan dihormati selalu iaitu En. Mohamad Ashri Bin Ramli dan Pn. Zaini binti Mamat kerana telah banyak berkorban untuk anak sulung mereka ini dengan memberi dorongan semangat dan bantuan kewangan yang sangat mencukupi sepanjang tempoh pengajian saya di sini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas bantuan dan nasihat mereka sepanjang menjalinkan persahabatan selama ini. Sesungguhnya, hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala jasa baik kalian. Terima kasih.

## SENARAI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN		MUKA SURAT
ABSTRAK		i
PENGHARGAAN		ii
SENARAI KANDUNGAN		iii
SENARAI JADUAL		vii
SENARAI RAJAH		ix
SENARAI FOTO		x
SENARAI SINGKATAN KATA		xi
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	2
1.2.1	Faktor Kekurangan Dari Segi Promosi	2
1.2.2	Faktor Kekurangan Aktiviti-Aktiviti Yang Menarik Perhatian Orang Awam	2
1.2.3	Faktor Kemudahsampaian	2
1.3	Matlamat Kajian	3
1.3.1	Objektif Kajian	3
1.4	Skop Kajian	4
1.5	Pendekatan Kajian	5
1.5.1	Peringkat Pertama – Mengenalpasti Isu Dan Masalah Dan Pembentukan Tujuan, Objektif Dan Skop Kajian	5
1.5.2	Peringkat Kedua – Kajian Literatur	5
1.5.3	Peringkat Ketiga – Kajian Dan Pengumpulan Data	6
1.5.4	Peringkat Keempat – Analisis Dan Penemuan	6
1.5.5	Peringkat Kelima – Pembentukan Cadangan	7
1.6	Rumusan	9

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Budi bahasa merupakan satu warisan dan melambangkan kebudayaan masyarakat kita. Kesopanan dan kemesraan ini telah berjaya memikat hati ribuan pelancong untuk melancong ke negara kita. Oleh itu, industri pelancongan ini telah dikenali sebagai industri layanan baik, maka wajarlah industri ini mencerminkan sifat berbudi bahasa. Jadi, budi bahasa merupakan antara faktor terpenting dalam usaha untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara pelancongan yang utama.

Setiap negeri di Malaysia mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan mempunyai perbezaan jenis pelancongan yang ditawarkan kepada pelancong. Contohnya pelancongan yang berkonsepkan ekopelancongan, agropelancongan, pelancongan pendidikan dan kesihatan serta pelancongan yang berbentuk persidangan, konvensyen, pameran dan seumpamanya. Hal ini menyebabkan para pelancong sentiasa berkunjung dari sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain untuk menjalankan aktiviti pelancongan yang menarik perhatian mereka. Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang menjadi penyumbang utama kepada peningkatan ekonomi negara. Sumbangan sektor ini telah meningkatkan taraf ekonomi penduduk yang seterusnya memberi kesan kepada pembangunan kawasan sekitarnya. Pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan merupakan salah satu aset negara dalam meningkatkan imej pelancongan bagi menarik kedatangan pelancong tempatan dan pelancong antarabangsa untuk menikmati serta menghargai sumber-sumber pertanian dan keindahan alam semulajadi bagi meningkatkan pendapatan ekonomi negara.

Konsep '*agrotourism*' yang diperkenalkan ini adalah sesuai dengan bandar Alor Setar kerana sektor pertanian merupakan sektor yang terbesar memberi sumbangan dan menjadi punca pendapatan penduduk. Pelaksanaan konsep '*agrotourism*' ini dapat dikomersialkan kerana pelbagai produk pelancongan dapat dihasilkan disamping mempelbagaikan aktiviti pelancongan. Antaranya ialah model kampung pertanian, dusun buah-buahan, taman pertanian, kebun bunga, hutan dan kawasan getah yang dikendalikan oleh pusat pembangunan pertanian dan penyelidikan. Konsep '*agrotourism*' ini melibatkan aktiviti pertanian yang dijadikan asas utama bagi menarik pelancong untuk mengenali jenis-jenis tumbuhan dan kepelbagaian pokok-pokok yang mempunyai kegunaannya tersendiri untuk diketahui bersama.